

Newspaper	Berita Harian
Date	30 March 2016

Malaysia-Maldives sepakat pelbagai isu antarabangsa

BH - 30/3/2016

Putrajaya: Mesyuarat dua hala Malaysia-Maldives semalam mencapai permuafakatan bagi menambah baik hubungan dagangan sedia ada terutama dalam sektor pendidikan, pembangunan, petroleum, pelaburan dan pelancongan.

Datuk Seri Najib Razak berkata, kedua-dua negara yang mempunyai hubungan rapat sejak 50 tahun lalu turut sependapat dalam pelbagai isu antarabangsa, termasuk menangani ekstremisme, keganasan dan jenayah merentas sempadan.

Timbang lanjut tempoh visa

Perdana Menteri berkata, dalam mesyuarat dua hala semalam, Malaysia menyatakan kesediaan untuk mempertimbangkan lanjutan tempoh visa sehingga 90 hari bagi warga Maldives yang berkunjung ke Malaysia.

"Ini selaras hasrat kita mahu menarik lebih ramai pelajar dari Maldives, yang kini adalah kumpulan pelajar asing ke 10 terbesar di Malaysia, melanjutkan pengajian di sini, selain memudahkan keluarga mereka mengunjungi Malaysia.

"Maldives juga mempelawa syarikat tempatan melabur di negara itu dan buat masa sekarang, WZR Property dari Malaysia mendapat kontrak membina bangunan 25 tingkat bagi Kementerian Kewangan Maldives, manakala Sime Darby, dengan kerjasama syarikat tempatan akan membina sebuah hospital 156 katil.

"Maldives juga berminat menghidupkan semula kontrak bagi membeli produk hilangan petroleum daripada PETRONAS," katanya pada sidang media bersama Presiden Maldives, Abdulla Yameen Abdul Gayoom di sini, semalam.

Abdulla Yameen tiba di sini kelmarin diiringi isterinya, Fathimath Ibrahim, untuk lawatan rasmi dua hari atas undangan Perdana Menteri. Ini lawatan sulungnya ke Malaysia sejak menjadi presiden pada November 2013.

Malaysia turut bersetuju dengan permintaan Maldives untuk menubuhkan pusat kebudayaan mereka di Kuala Lumpur sebagai tempat berkumpul warga negara itu selain memberi peluang kepada masyarakat tempatan mendekati budaya mereka.

Sementara itu, Abdulla Yameen berkata, pihaknya mahu lebih banyak syarikat Malaysia melabur dalam sektor pelancongan dan pembangunan di negaranya yang terkenal sebagai antara destinasi percutian utama dunia.



Najib dan Abdulla Yameen selepas mengadakan sidang media di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. (FOTO BERNAMA)

en berkata, pihaknya mahu lebih banyak syarikat Malaysia melabur dalam sektor pelancongan dan pembangunan di negaranya yang terkenal sebagai antara destinasi percutian utama dunia.

Tarik pelabur Malaysia

"Sebagai negara kecil, Maldives banyak menghadapi cabaran di forum antarabangsa, termasuk sebagai anggota Komanwel dan

“**Banyak yang dapat kami pelajari daripada Malaysia dari segi ekonomi dan pendidikan”**

**Abdulla Yameen
Abdul Gayoom,
Presiden Maldives**

berharap Malaysia dapat memainkan peranan supaya negara kecil sepertinya tidak teraniaya.

"Banyak yang dapat kami pelajari daripada Malaysia dari segi ekonomi dan pendidikan. Malah, antara peguam ternama di Maldives juga mendapat pendidikan awal di Malaysia. Kami harap hubungan yang kukuh ini berkekalan," katanya.